

Siri No.



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2007

**PEMBERIAN KENAIKAN GAJI
KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN
DI BAWAH SISTEM SARAAAN MALAYSIA**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

KANDUNGAN

Bil.	Tajuk	Muka Surat
1.	TUJUAN	1
2.	DEFINISI	2
3.	PELAKSANAAN	3
	Pegawai Yang Layak	3
	Pegawai Yang Tidak Layak	5
	Prinsip Pemindahan Gaji	5
	Kaedah Pemindahan Gaji	5
	Tarikh Pergerakan Gaji	6
	Kadar Gaji Harian	6
	Jadual Gaji Bagi Pegawai Yang Belum Memenuhi Syarat Atau Tidak Menerima Opsyen Pertukaran Pelantikan	6
	Pegawai Kekal Di Bawah JKK Dan SSB	6
	Elaun Dan Kemudahan	7
	Pemangkuan Dan Penanggungungan Kerja	7
	Faedah Persaraan	7
4.	TARIKH KUAT KUASA	7
5.	PEMAKAIAN	7
6.	PEMBATALAN	8
7.	SENARAI LAMPIRAN	
	Lampiran A - Indeks Jadual Gaji Baru Dan Sifir Pemindahan Gaji Perkhidmatan Awam Persekutuan	9

Lampiran B -	Indeks Jadual Gaji Baru Dan Sifir Pemindahan Gaji Khas Untuk Penyandang Perkhidmatan Awam Persekutuan	401
Lampiran C -	Contoh Kaedah Pemindahan Gaji Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17 Dari Matagaji Sekarang Kepada Matagaji Baru Mengikut Prinsip Pemindahan Matagaji Ke Matagaji	539
Lampiran D -	Contoh Kaedah Pemindahan Gaji Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17 Yang Tarikh Pergerakan Gaji Sama Dengan Tarikh Kuat Kuasa	540
Lampiran E -	Contoh Kaedah Pemindahan Gaji Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17 Yang Dinaikkan Pangkat Ke Gred N22 Pada Tarikh Kuat Kuasa	541
Lampiran F -	Contoh Kaedah Pemindahan Gaji Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17 Yang Tarikh Pergerakan Gaji Dan Tarikh Kenaikan Pangkat Ke Gred N22 Sama Dengan Tarikh Kuat Kuasa	542
Lampiran G -	Pindaan Elaun Dan Kemudahan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan	545



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2007

**PEMBERIAN KENAIKAN GAJI
KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN
DI BAWAH SISTEM SARAAN MALAYSIA**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan memberi Kenaikan Gaji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) mulai 1 Julai 2007 seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Kadar Kenaikan Gaji Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

Kumpulan Perkhidmatan	Gred Jawatan	Peratus (%)
Pengurusan Tertinggi	VU7 hingga VU1 VK7 hingga VK5	7.5
Pengurusan dan Profesional	Gred 41 hingga 54	15
Sokongan I	Gred 17 hingga 40	25
Sokongan II	Gred 1 hingga 16	35

2. Bagi Perkhidmatan Penguatkuasaan Maritim pemberian Kenaikan Gaji ialah seperti **Jadual 2** berikut:

Jadual 2: Kadar Kenaikan Gaji Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

Kumpulan Perkhidmatan	Gred Gaji	Peratus (%)
Pengurusan dan Profesional (Leftenan Maritim hingga Laksamana Pertama Maritim)	X17 hingga X26	15
Sokongan I (Laskar Kelas II Maritim hingga Leftenan Madya Maritim)	X1 hingga X16	25

DEFINISI

3. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini:

“Gaji Baru” bermaksud Matagaji di sesuatu tanggagaji Jadual Gaji Sebaris atau Jadual Gaji Matriks SSM yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2007;

“Gaji Pokok” bermaksud matagaji dalam struktur gaji yang diambil kira untuk faedah pencen;

“Gaji Sekarang” bermaksud Matagaji di sesuatu tanggagaji Jadual Gaji Sebaris atau Jadual Gaji Matriks SSM yang berkuat kuasa sehingga 30 Jun 2007;

“Jadual Gaji Baru” bermaksud Jadual Gaji Sebaris atau Jadual Gaji Matriks yang berkuat kuasa dalam SSM mulai 1 Julai 2007;

“Jadual Gaji Sekarang” bermaksud Jadual Gaji Sebaris atau Jadual Gaji Matriks yang berkuat kuasa dalam SSM sehingga 30 Jun 2007;

“Matagaji” bermaksud amaun gaji tertentu yang terletak di sesuatu Jadual Gaji;

“Matagaji Baru” bermaksud Matagaji dalam Jadual Gaji Baru;

“Matagaji Sekarang” bermaksud Matagaji dalam Jadual Gaji Sekarang;

“Pelarasan Gaji” bermaksud perubahan gaji berikutan daripada Kenaikan Gaji yang telah ditetapkan;

“Sifir Pemindahan Gaji” bermaksud sifir yang menunjukkan cara pemindahan gaji daripada Jadual Gaji Sekarang kepada Jadual Gaji Baru.

“Sokongan I” bermaksud syarat lantikan berkelayakan Sijil Pelajaran Malaysia hingga diploma atau setaraf; dan

“Sokongan II” bermaksud syarat lantikan berkelayakan Penilaian Menengah Rendah dan ke bawah atau setaraf.

PELAKSANAAN

Pegawai Yang Layak

4. Pegawai tetap, sementara, kontrak, sambilan, Guru Sandaran dan Pekerja Khidmat Singkat layak diberi Kenaikan Gaji ini.
5. Kenaikan Gaji hendaklah diberi kepada pegawai yang sedang berkhidmat pada atau selepas 1 Julai 2007 termasuk yang berada dalam keadaan seperti berikut:
 - a. **dipinjam** atau **ditukar sementara** ke agensi Kerajaan, pelarasan gaji hendaklah dilaksanakan mengikut gaji jawatan peminjaman atau jawatan pertukaran sementara. Gaji hakiki pegawai berkenaan hendaklah diselaraskan secara isyarat oleh Ketua Jabatan;

- b. **dipinjamkan** ke pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta, pelarasan gaji hendaklah dilaksanakan secara isyarat atas gaji hakiki oleh Ketua Jabatan;
- c. **cuti bergaji penuh**, pelarasan gaji hendaklah dilaksanakan atas gaji pokok yang diterima;
- d. **cuti separuh gaji**, pelarasan gaji hendaklah dilaksanakan atas gaji pokok dan dibayar separuh daripada Gaji Baru; dan
- e. **cuti tanpa gaji**, pelarasan gaji hendaklah dilaksanakan secara isyarat atas gaji pokok. Pegawai dibayar Gaji Baru apabila kembali bertugas.

6. Dalam melaksanakan pelarasan gaji, sebarang hukuman yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib sebelum tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini yang melibatkan gaji pegawai seperti denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji atau turun pangkat, hendaklah dilaksanakan sepenuhnya. Sebagai contoh, jika pegawai dikenakan hukuman tangguh pergerakan gaji, pegawai layak diberi Kenaikan Gaji tetapi pergerakan gaji dalam Jadual Gaji Baru hendaklah ditangguhkan sehingga hukuman itu disempurnakan.

7. Pegawai yang **meninggal dunia** pada atau selepas 1 Julai 2007 layak diberi Kenaikan Gaji. Ketua Jabatan terakhir di mana pegawai ditempatkan hendaklah bertanggungjawab terhadap pelarasan gaji pegawai berkenaan.

8. Kerajaan juga telah bersetuju memanjangkan pemberian Kenaikan Gaji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang masih kekal berkhidmat di bawah Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet (JKK) 1976 dan Sistem Saraan Baru (SSB).

Pegawai Yang Tidak Layak

9. Kenaikan Gaji **tidak diberi** kepada:
 - a. pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman **buang kerja** yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2007; dan
 - b. pegawai yang **bersara** sebelum atau pada 1 Julai 2007.

Prinsip Pemindahan Gaji

10. **Pemindahan gaji** adalah Gaji Sekarang dipindahkan kepada Gaji Baru di Jadual Gaji Baru dengan Peringkat (P) gaji dikekalkan.

Kaedah Pemindahan Gaji

11. Kaedah pemindahan gaji adalah daripada Matagaji Sekarang kepada Matagaji Baru pada 1 Julai 2007.
12. **Jadual Gaji Baru** dan **Sifir Pemindahan Gaji** adalah seperti di **Lampiran A**. Bagi pegawai yang berada di Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang, **Jadual Gaji Baru** dan **Sifir Pemindahan Gaji** adalah seperti di **Lampiran B**. Contoh kaedah pemindahan gaji adalah seperti di **Lampiran C**.
13. Pegawai yang **Tarikh Pergerakan Gajinya** pada **1 Julai**, gaji pegawai hendaklah terlebih dahulu dipindahkan kepada Gaji Baru dan seterusnya diberi Pergerakan Gaji Tahunan dalam Jadual Gaji Baru. Contoh kaedah pemindahan gaji adalah seperti di **Lampiran D**.
14. Pegawai yang **tarikh kenaikan pangkatnya** pada **1 Julai 2007**, hendaklah diberi pemindahan kepada Gaji Baru atas gred jawatan sekarang terlebih dahulu dan diikuti dengan penetapan gaji permulaan ke Gaji Baru di gred jawatan kenaikan pangkat. Contoh kaedah pemindahan gaji adalah seperti di **Lampiran E**.

15. Pegawai yang **tarikh kenaikan pangkat** sama dengan **Tarikh Pergerakan Gaji** pada **1 Julai 2007**, hendaklah diberi pemindahan kepada Gaji Baru atas gred jawatan sekarang terlebih dahulu dan seterusnya diberi Pergerakan Gaji Tahunan dan diikuti dengan penetapan gaji permulaan Gaji Baru di gred jawatan kenaikan pangkat. Contoh kaedah pemindahan gaji adalah seperti di **Lampiran F**.

Tarikh Pergerakan Gaji

16. Kenaikan Gaji ini **tidak mengubah Tarikh Pergerakan Gaji** yang sedang berkuat kuasa.

Kadar Gaji Harian

17. **Kadar gaji harian** bagi pegawai sambilan dan perkiraan **bayaran upah ikut jam atau kerja** bagi Pekerja Khidmat Singkat, mulai 1 Julai 2007 hendaklah mengikut Jadual Gaji Baru skim perkhidmatan berkaitan.

Jadual Gaji Bagi Pegawai Yang Belum Memenuhi Syarat Atau Tidak Menerima Opsyen Pertukaran Pelantikan

18. Bagi pegawai yang **menerima opsyen** pertukaran pelantikan tetapi belum memenuhi syarat pertukaran pelantikan mengikut Pekeliling Perkhidmatan pertukaran pelantikan berkenaan dan juga pegawai yang **tidak menerima opsyen** pertukaran pelantikan, Ketua Jabatan hendaklah memohon Jadual Gaji Baru (sekiranya Jadual Gaji Baru tersebut tidak termasuk dalam Lampiran A Pekeliling Pekhidmatan ini) daripada Bahagian Gaji Dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam, tidak lewat daripada **30 September 2007**.

Pegawai Kekal Di Bawah JKK Dan SSB

19. Bagi Pegawai yang masih kekal berkhidmat di bawah JKK 1976 dan SSB, Ketua Jabatan hendaklah memohon Skel Gaji JKK dan Jadual Gaji Baru SSB daripada Bahagian Gaji Dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam, tidak lewat daripada **30 September 2007**.

Elaun dan Kemudahan

20. Kenaikan Gaji di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini **tidak mengubah** elaun dan kemudahan di bawah SSM kecuali Bayaran Insentif Wilayah, Elaun Perjalanan Kenderaan Kelas C Bagi Anggota Yang Bergaji Kurang Daripada RM1193.54 Sebulan dan Elaun Perjalanan Kenderaan. Penetapan kelayakan serta kadar elaun dan kemudahan yang diubahsuai adalah seperti di **Lampiran G**.

21. Dalam melaksanakan pelarasan gaji, sebarang **hukuman** yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib sebelum tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, yang melibatkan elaun dan kemudahan pegawai hendaklah dilaksanakan sepenuhnya.

Pemangkuan Dan Penanggungan Kerja

22. Bayaran pemangkuan dan penanggungan kerja bagi pegawai yang sedang memangku atau menanggung kerja pada dan selepas 1 Julai 2007 hendaklah **diselaras** berdasarkan kepada Matagaji Baru atau Matagaji Baru permulaan jawatan yang ditanggung kerja, di mana berkenaan.

Faedah Persaraan

23. Bayaran pencen, ganjaran dan Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat di bawah undang-undang pencen kepada pegawai yang bersara pada dan selepas **2 Julai 2007** hendaklah berasaskan Gaji Baru.

TARIKH KUAT KUASA

24. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2007**.

PEMAKAIAN

25. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

26. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Jadual Gaji di bawah SSM sebelum 1 Julai 2007 adalah **dibatalkan**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

15 Jun 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan